

# 14 Minit

## Sumiati Ra'at

**I**rfan menggodek-godek bahagian motosikalnya yang rosak dengan tekunnya seperti satu ibadah. Setiap skru ditanggalkan dan setiap lubang silinder enjin dibuka untuk dilihat keadaannya. Dia meneliti kabel-kabel yang tercantum rapi di bahagian enjin motosikal. Motosikal yang buruk itulah menjadi pengangkutan setia dan murah sejak lima tahun yang lalu. Banyak jasa motosikal ini kepadanya.

Wajahnya berminyak dan berkilauan memantulkan cahaya matahari pagi. Irfan tidak kuasa lagi hendak meneliti kerosakan motosikalnya. Dua jam berlalu tidak membuahkan hasil langsung. Akhirnya, dia mengambil keputusan untuk menaiki kereta api Sistem Pengangkutan Gerak Cepat (MRT) sahaja. Mujur stesennya terletak tidak jauh dari situ. Motosikalnya diletakkan di bahu jalan. Dia akan meminta teman mekaniknya untuk menguruskan motosikal yang tersidai itu nanti.

Sambil berjalan ke stesen MRT, terfikir juga yang dia sudah lama tidak menaiki MRT sejak tamat persekolahannya lima tahun dulu. Kekok juga kerana sudah tidak biasa untuk membeli tiket di gerbang masuk stesen. Setibanya gerabak dari Yio Chu Kang menuju ke Orchard Road di landasan, orang ramai berpusu-pusu mengerumuni setiap pintu masuk kereta api. Penumpang-penumpang cuba menyisip masuk dari tepi pintu gerabak sebelum penumpang dari dalam sempat keluar. Irfan melangkah masuk ke dalam gerabak setelah memberi laluan kepada penumpang yang hendak keluar. Matanya melingas memandang sekelilingnya untuk mencari tempat duduk.

“Ah, ada satu kosong di sana, baik cepat duduk sebelum orang lain duduk!” Bisik hati Irfan. Cepat-cepat Irfan menuju ke arah tempat duduk yang kosong itu dan menghempaskan punggungnya. Setelah duduk, Irfan terasa yang sebenarnya penumpang yang berdiri di sekelilingnya memang tidak mahu duduk dan memilih untuk berdiri sahaja.

Irfan memerhatikan sekelilingnya. Ada penumpang yang menyumbat telinganya dengan fon telinga daripada telefon bijak mereka yang

memainkan segala macam muzik. Tidak kurang pula yang membenamkan mata di hadapan telefon bijak melungsuri media sosial dan akhbar harian. Ingatan Irfan mula melayang, teringatkan pengalamannya menaiki MRT ke sekolah pada setiap pagi. Perjalanan dari Yio Chu Kang ke Orchard Road mengambil masa 14 minit. Dalam masa sesingkat itu, banyak peristiwa yang berlaku. Ada yang pahit, tidak kurang juga yang mencuit hati.

Peristiwa ini berlaku tujuh tahun lalu. Dalam kesesakan di dalam MRT dari Yio Chu Kang ke Orchard. Seperti biasa, Irfan akan berdiri dekat dengan pintu jika tidak mendapat tempat duduk. Tiba-tiba, kedengaran suara garau seorang lelaki dalam loghat mat salehnya menengking seseorang.

*“If you’re so perfect. Do you want to fight!?”* Terjah lelaki berbangsa Eropah itu sambil mencekak pinggangnya. Saiz badannya dua kali lebih besar daripada orang biasa. Lelaki berambut perang itu berdiri tidak jauh dari Irfan. Irfan tertanya-tanya mengapa lelaki itu hendak bergaduh dan siapa pula yang ditunjukkan kata-kata tadi. Penumpang lain juga terjenguk-jenguk mencari siapa orang yang dimarahinya. Mereka mencuri-curi pandang tetapi apabila lelaki itu menoleh ke arah penumpang-penumpang di sekelilingnya, semua berpura-pura tidak peduli.

Aku perhatikan bahawa lelaki itu merenung tajam kepada seorang remaja di hadapannya. Remaja itu dalam lingkungan 18 tahun, menggalas ransel, berkemeja-T gelap bercetak *‘I am Mr Perfect’*. Dengan perlahan-lahan, remaja itu menutupi label kemeja-Tnya dengan fail yang dikepit erat pada dadanya.

Hampir dua minit lelaki itu meneruskan maki hamun dan ancamannya terhadap remaja tersebut. Penumpang-penumpang yang tidak nampak perkataan-perkataan pada kemeja remaja itu kebingungan. Semua hairan mengapa lelaki itu berang. Penyebab kemarahannya tiada siapa yang tahu melainkan remaja tadi. Remaja itu mendiamkan diri dan cuba mengelak daripada bertentangan mata dengan lelaki itu. Dia serba salah dan kelihatan takut.

Ancaman demi ancaman dilontarkan oleh lelaki itu. Lelaki itu mengancam untuk membantai remaja itu. Dia juga menggertak remaja itu supaya keluar dari MRT sebelum dia mencampaknya keluar.

Tiada siapa dalam MRT itu yang dapat lakukan apa-apa. Beberapa orang penumpang merakamkan kejadian itu dengan menggunakan telefon bimbit mereka. Pasti menjadi topik perbualan hangat di dalam media sosial.

“Kini, ada lebih ramai pemberita daripada pembaca,” lucu terasa dalam hati Irfan.

MRT tiba di stesen Ang Mo Kio. Remaja itu memulakan langkah kecil menuju ke pintu keluar gerabak. Namun, dia dihalang oleh lelaki itu. Penumpang-penumpang lain yang sudah sampai di tempat tuju mereka bergegas keluar dari MRT tersebut. Remaja itu berdiri tercegat di situ tidak kena gaya. Dia cuba mengelak daripada renungan tajam lelaki itu. Penumpang baharu sudah memenuhi ruang MRT itu sekali lagi. Ramai penumpang berhimpit-himpit. Ada pula yang mengambil kesempatan dalam kesempitan. Kes-kes sebegitu biasa Irfan baca dalam akhbar. Penumpang yang masuk semuanya sibuk membenamkan wajah ke telefon bimbit mereka. Semua tidak ambil peduli dengan keadaan sekeliling. Inilah satu fenomena baharu yang tidak wujud sebelum telefon bimbit berleluasa.

Suasana masih tegang. Lelaki itu lebih berani kini dengan tindakannya kerana tiada siapa yang masuk campur dan ambil peduli. Sikap menindasnya semakin menjadi-jadi. Kini, dia mula meninggikan suaranya dengan mengatakan yang dia membenci kemeja-T yang dipakai remaja itu. Bertubi-tubi kata-kata benci dan jijik dilemparkan terhadap remaja itu.

Penumpang yang baru masuk tadi terkejut dengan apa yang berlaku. Ada juga yang hendak menjadi pemberita jalanan terus menghalakan telefon bimbit mereka dan merakam drama yang sedang berlangsung. Namun, tetap tiada sesiapa pun yang tampil untuk menghentikan penindasan terang-terangan ini. Semua menjadi penonton percuma sahaja galaknya. Irfan sendiri tidak berani.

Dalam kegawatan dan kekecohan suasana tempikan lelaki itu, muncul di celah-celah penumpang yang ramai itu seorang nenek dalam lingkungan enam puluhan tahun. Terhuyung-hayang nenek itu cuba mendekati punca kekecohan itu.

“Encik, saya rasa Encik keluarlah dahulu dan cuba bertenang. Naiklah MRT lain yang mungkin kurang sesak dan lebih selesa buat Encik,” cadang wanita itu dalam bahasa Inggeris, dengan beraninya. Lelaki itu tersentak

kerana ada juga orang yang akhirnya berani menegurnya. Dia dengan biadabnya mengherdik dan menghalau nenek itu. Cara lelaki itu menengking dan menghalau nenek itu amat tidak terduga oleh semua yang berada di dalam gerabak itu. Keadaan resah mula terasa oleh semua. Tertanya-tanya oleh semua sama ada drama yang mereka sedang tonton ini akan berakhir di sini atau ada sambungannya.

Baru sahaja lelaki itu hendak meneruskan makian dan cercaan terhadap nenek itu, satu suara kedengaran.

*“Where are your manners? You don’t talk to an old lady like that! In fact, you don’t talk to anybody like that!”* Semua yang ada di situ terkejut. Ada yang tersenyum tanda puas manakala ada pula yang masih dengan telefon bimbit mereka sambil membuat liputan secara langsung. Seorang belia berbadan sasa terus menyoal lelaki itu bertubi-tubi ingin tahu mengapa remaja dan nenek itu dimaki hamun tanpa rasa hormat. Remaja berbadan sasa itu dengan wajah yang bengis dan tegas terus merenung tepat wajah lelaki itu.

Baru sahaja lelaki itu hendak membuka mulutnya yang belum puas mengherdik remaja itu, nenek itu pula menambah dengan suara yang amat nyaring, “Awak pembuli! Sungguh memalukan!” Sambil merenung tepat ke wajah lelaki itu seperti seorang ibu mendisiplinkan anaknya

“Ini Singapura. Kita ada undang-undang. Jangan buat ikut suka hati awak sahaja!” Dengan pantas nenek itu mencapai bahagian atas pintu lalu menekan butang kecemasan. Penumpang sekeliling yang tadinya senyap, kini menyokong tindakan wanita tua itu. Kelihatan sekarang ada yang menunjukkan wajah meluat terhadap lelaki mat saleh itu dan terdengar dalam kalangan mereka ada yang menyuruh lelaki mat saleh itu jangan ganggu remaja itu dan turun dari MRT segera.

Suara rakaman MRT berkumandang “Bradell. Bradell”. Sebaik sahaja pintu gerabak dibuka dua orang pegawai keselamatan MRT memasuki gerabak. Mata mereka melingas memantau keadaan. Para penumpang yang lain menuding jari ke arah pengacau yang mengganggu ketenteraman awam itu. Dua orang pegawai yang berbadan sasa dan tegas itu dengan tegas membawa lelaki mat saleh itu keluar dari gerabak. Yang menghairankan, dia menjadi seperti seekor kucing yang jinak pula sekarang. Tidak seperti seekor

singa yang ganas sepanjang drama sebabak tadi. Semua penumpang berasa lega termasuk remaja tadi yang kini telah terbabas beberapa buah stesen. Terpaksa dia menukar kereta api di landasan lain.

Pembelaan terhadap yang lemah akan hanya bangkit apabila ada seseorang yang berani memulakannya. “Begitulah yang berlaku di mana-mana sekarang ini. Banyak penderitaan manusia tanpa pembelaan. Hanya memerlukan pencetus untuk melihat yang ditindas itu dibela,” desis hati Irfan sambil merenung bangunan-bangunan yang jauh seolah-olah mengejar kereta api yang sedang bergerak itu.

Fikiran Irfan sama seperti pemandangan yang direnungnya melalui tingkap di hadapannya. Dari satu pemandangan ke satu pemandangan. Kadangkala, hitam pekat tanpa ada apa-apa. Seolah-olah ingatan Irfan memainkan daripada satu kisah kepada satu kisah yang pernah dilaluinya. Terdapat satu lagi peristiwa yang masih segar dalam ingatan Irfan. Sementara menunggu MRT untuk membawanya ke Orchard Road, Irfan menyumbat lubang telinganya untuk mendengar berita radio.

Keadaan dalam gerabak MRT seperti biasa, sesak. Terdapat Kerusi Prioriti yang dikhaskan untuk penumpang yang memerlukan sahaja, telah diduduki oleh seorang pemuda sihat, berpakaian kemas, beg kulit sandang di pangkuan sejak tadi. Matanya tidak rapat dikatup, sekali-sekala bebola matanya bergerak-gerak. Entah separuh tidur atau separuh bangun. Gelagat semacam ini sudah ditemui puluhan kali.

Irfan berdiri di bahagian tengah gerabak sambil memegang tiang. Apabila tiba di stesen Novena, sepasang suami isteri memasuki gerabak. Si suami mendukung anaknya yang berusia dua tahun. Sedang nyenyak tidur si comel itu. Kepala kanak-kanak tadi tertenggek di bahu ayahnya. Si isteri yang berbaju labuh hingga ke paras lutut yang sekali-sekala ternampak perutnya yang besar, mungkin hamil lima atau enam bulan. Pasangan itu menyusur di celah-celah penumpang yang sesak itu ke tempat Kerusi Prioriti dan berdiri di hadapan pemuda tadi. Seminit berlalu, masih tiada reaksi daripada pemuda itu. Bebola matanya yang separuh terkatup melirik-lirik ke kanan dan ke kiri seperti berpura-pura tidur. Wanita separuh umur yang duduk di sebelah pemuda itu pula menebarkan surat khabar dan berselindung di sebaliknya. Si isteri menoleh ke arah suaminya sambil menarik nafas panjang.

Tiada penumpang yang duduk berhampiran pasangan malang itu yang sudi memberikan tempat duduk kepada mereka. Beberapa orang setakat berbisik-bisik melihat kejadian itu dari jauh tetapi tiada siapa yang bersuara meminta pemuda yang duduk di tempat duduk khas itu memberikan tempat duduknya kepada keluarga yang memerlukan itu. Irfan setakat memerhatikan sahaja dari jauh. Jelas kelihatan apa yang berlaku di sekelilingnya.

Dengan wajah yang jengkel, kening yang berkerut, si isteri tadi mengeluarkan telefon bimbitnya dan menghalakannya ke arah sesuatu. Telefon bimbitnya dihalakan ke poster Kerusi Prioriti dan dengan perlahan-lahan menghalakannya ke arah pemuda yang separuh tidur tadi. Dirakam juga anaknya yang sedang tidur dalam dukungannya suaminya. Mulut wanita itu komat-kamit, dahi berkerut dan mukanya masam seperti cuka. Mungkin si ibu itu akan menaikmuatkan rakamannya terus ke media sosial atau membuat laporan kepada pihak MRT nanti. Penumpang di sekeliling yang Irfan perhatikan telah memberikan reaksi yang berbeza. Ada yang bersimpati terhadap keluarga tersebut dan ada pula yang menghentam pemuda yang berlagak tidur itu.

“Kalau hamil, bawa budak, bawa kereta sorong, naik ajelah teksi, lebih senang dan jimat!” Bisik seorang penumpang kepada temannya.

“Jangan nak menagih tempat duduk daripada penumpang yang lain seolah-olah tempat duduk itu hak dia,” balas temannya.

Penumpang yang memerhatikan pemuda itu setakat menjeling, lalu kembali dengan urusan masing-masing. Irfan terfikir juga sekiranya dia yang berada di tempat duduk khas itu pasti dia akan memberikannya kepada orang yang lebih memerlukan. Terfikir juga Irfan bahawa penumpang yang duduk di tempat duduk biasa juga harus memberikan tempat duduk mereka kepada sesiapa sahaja yang harus diberikan tempat duduk seperti yang keluarga yang sarat membawa anak-anak kecil serta dalam keadaan hamil. Namun, pada pendapat Irfan, penumpang yang menggunakan perkhidmatan MRT ini merasakan bahawa mereka berhak mendapat khidmat yang terbaik kerana mereka telah membayar tambang. Hanya orang yang duduk di Kerusi Prioriti yang dianggap sebagai mencabuli undang-undang dalam MRT.

Irfan merenung kembali kejadian itu. Irfan amat bimbang rasa timbang rasa dan prihatin terhadap orang lain semakin terhakis akibat kemodenan

dan kepesatan hidup. Bimbang juga dia memikirkan yang masyarakat kini semakin hilang sifat belas mereka. Menjadi tanda tanya bagi yang memikirkannya.

Sesampai di stesen Newton, pemuda yang separuh tidur tadi meraba-raba di tepi duduknya. Tongkat putih yang berlipat dibukanya. Matanya masih lagi kuyu. Dia meraba-raba tiang di tepi tempat duduknya untuk membantunya berdiri lalu bersuara, *“Excuse me, please.”*

Tongkat putih berlipat tadi yang telah diluruskannya, diayunkan sedikit ke kanan dan ke kiri bagi membantunya mencari pintu keluar. Matanya yang separuh katup dari tadi memandang ke bawah, masih terus ke arah yang sama apabila dia bergerak keluar.

Mata wanita dan suaminya serta beberapa orang penumpang terpacak tajam melihat keadaan pemuda itu sehingga dia melangkah keluar dari MRT. Wanita itu menoleh kepada pasangannya seperti meminta pertimbangan. Kemudian, dengan bingkas pasangan suami isteri menghempaskan punggung masing-masing pada tempat duduk yang dinanti-nantikan di hadapan mereka.

Irfan dan beberapa orang penumpang yang dari tadi memerhatikan kejadian ringkas itu pastinya mentertawakan diri masing-masing kerana membuat dakwaan tanpa usul periksa. Diperhatikan pasangan suami isteri tadi menjeling ke arah satu sama lain dan tersenyum kambing tanpa perbualan. Irfan faham makna senyuman itu.

Kereta api terus bergerak laju melepasi estet-estet perumahan. Kadangkala, gerabak seolah-olah membuat satu belokan tajam maka semua penumpang akan menyenget ke satu arah. Penumpang semua bagaikan seiring dan seirama bersama gerakan kereta api. Namun, ada kisah yang diingati Irfan tidak seiring dan seirama dengan penumpang-penumpangnya.

Irfan mengimbas kembali satu lagi peristiwa dalam MRT yang pernah dilaluinya satu ketika dahulu. Seperti hari-hari biasa, Irfan menaiki MRT untuk ke sekolah. Pintu gerabak MRT yang hampir terkutup terbuka semula untuk membenarkan seorang wanita muda memasuki gerabak. Wanita muda itu dalam lingkungan lewat dua puluhan berbadan langsing, berjilbab

dan berbaju labuh. Sebenarnya, sebelum wanita muda itu dapat memasuki gerabak, dia berlari seperti seorang pelari pecut. Sejurus dia memasuki gerabak, keadaan yang sesak hanya dapat mengizinkan dia berdiri di hadapan pintu dan menggunakan kaca tingkap sebagai tempat untuk dia bersandar. Dia mengesat manik-manik peluh pada dahi dan hidungnya dengan tisu yang dipegangnya. Sese kali dia memerhatikan keadaan sekelilingnya dan tidak sedar, dirinya juga diperhatikan. Irfan dapat juga mengintai kelibat wajahnya ketika dia menoleh ke arah Irfan.

Manis orangnya, sopan pakaiannya. Mata Irfan merayapi tubuh wanita itu. Apabila mata wanita itu bertentangan dengan mata Irfan, dia terus melepaskan pandangannya ke arah lain. Seorang pemuda berkulit putih berpakaian kemas yang menyandang beg berjenama *Michael Kors* di bahu kanannya memandang wanita tadi dengan renungan tajam. Dia terpikat dengan wanita tersebut agaknya. Tidak mungkin sebab dia tidak menunjukkan apa-apa petanda dia jatuh hati.

Wajah wanita itu mengingatkan Irfan kepada seseorang yang dia kenali. Dia cuba mendekati kerana jarak mereka agak jauh. Tatkala, gerakan penumpang lain memberi ruang, Irfan mendekati dirinya kepada wanita itu.

“Lina? Ini Lina kan? Saya Irfan dari Sekolah Menengah Commonwealthlah,” tegur Irfan.

Wanita tadi terkebil-kebil cuba mengingat kembali. Raut wajahnya berubah menjadi ceria. Stesen seterusnya akan tiba dalam masa dua minit lagi, Irfan menggunakan waktu yang tinggal sedikit itu sepenuhnya. Irfan cuba mencungkil khabar terkini daripada Lina.

“Buat apa sekarang? Kerja di mana?” tanya Irfan.

Tiba-tiba suara rakaman berkumandang lagi. “Orchard. Orchard”. Orang ramai bergerak menuju ke pintu. Lina juga mula bergerak ke arah pintu. Pemuda tadi tergesa-gesa sehingga menolak-nolak orang di sekelilingnya. Semakin menghampiri Lina. Pemuda tadi memotong jalan Lina dan berada betul-betul di belakang Lina. Tidak semena-mena dia mencekup dan menarik tudung Lina dengan kuat lantas melangkah keluar dengan kilat.



Keadaan menjadi kecoh seketika. Penumpang bergegas keluar dengan berasak-asak sambil tertoleh-toleh mencari sumber kekecohan tadi. Akibatnya, ada kaki-kaki yang terpijak-pijak dan ada yang tersungkur. Para penumpang di dalam gerabak tergamam dengan apa yang terjadi. Tudung Lina hampir tertanggal. Ingin Irfan cukup kolar baju pemuda itu dan menggasak lelaki tersebut tetapi pintu MRT cepat tertutup. Lina terketar-ketar terperanjat membetul-betulkan tudungnya kembali. Wajahnya nampak pucat. Seperti ditoreh dan tidak berdarah.

*“Are you alright?”* tanya seorang wanita India yang menghampirinya.

“Awak tak apa-apa? Laporkan kepada pihak polis tentang kejadian ini. Ini satu gangguan,” ujar seorang penumpang wanita.

“Wah, dah kenapa dengan lelaki tu?” Sampuk seorang lagi. Suara penumpang-penumpang yang lain berdesas-desus memenuhi ruang gerabak itu.

Irfan tersentak dengan apa yang berlaku. Lina juga. Tidak percaya dengan apa yang berlaku sebentar tadi. Apakah yang dimarahkan oleh lelaki itu? Adakah dia kurang siuman? Macam-macam kerenah manusia di dunia ini.

Fikiran Irfan masih memikirkan setiap perincian kejadian yang berlaku ketika dia menaiki MRT. Setiap kejadian ada pengajaran yang boleh dijadikan sempadan atau teladan. Memang ada baiknya sekali-sekala dia tidak menunggang motosikalnya. Dapatlah dia melihat dunia di sekelilingnya dan mengetahui perubahan yang berlaku kerana pastinya banyak yang boleh mendewasakan diri.

14 minit berlalu. Pintu MRT sudah pun terbuka di stesen Orchard.

\*\*\*\*\*

### Perbendaharaan Kata

- bertubi-tubi - berulang-ulang
- melingas - memandang-mandang ke sana sini dengan pantas seolah-olah sedang mencari-cari sesuatu
- menagih - sangat gemar melakukan sesuatu
- mencabuli - melanggar kesucilaan, menodai, mencemari
- menggalas - menyanggah di atas bahu
- pembelaan - perihal membela, pemeliharaan, perlindungan
- menyisip - masuk di celah-celah
- tempias - percikan air yang terkena pada sesuatu
- tempikan - jeritan, teriakan
- tergamam - terkejut dan tidak dapat berbuat apa-apa

